



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/10/11_51 (HQ)

PERSIDANGAN SULUNG PERALIHAN TENAGA TNB MENGGALAK KERJASAMA ANTARABANGSA BAGI MENYEGERAKAN PERALIHAN TENAGA

- PM mahukan kerjasama kolektif untuk memacu masa depan lebih bersih dan mampan
- PM menghargai usaha TNB mengetuai perbincangan dalam kalangan utiliti dan kerajaan ASEAN bagi menyegerakan peralihan tenaga

Persidangan Peralihan Tenaga 2023, julung kali dianjurkan oleh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah menyemarakkan pelbagai bentuk kerjasama antarabangsa dalam menyegerakan peralihan tenaga (ET). Menekankan kepentingan jalinan kerjasama ini, Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, "Usaha secara kolektif boleh mendorong perubahan positif untuk masa depan lebih bersih dan mampan."

"Melalui kerjasama ini, kita boleh memanfaatkan kekuatan secara kolektif untuk mempercepat penggunaan teknologi tenaga boleh baharu (TBB), pembangunan inovatif solusi penyimpanan tenaga dan peningkatan amalan cekap tenaga. Kedudukan strategik Malaysia selaku Hab Tenaga ASEAN membolehkan kita berperanan penting dalam membangun masa depan tenaga mampan serantau menuju karbon sifar bersih ASEAN."

Melihatkan kepada perkembangan TNB dalam perniagaan rentas sempadan serta memanfaatkan Grid Tenaga ASEAN (APG), beliau berkata, ini akan meluaskan lagi prospek keterjaminan tenaga dan memperkukuh integrasi ekonomi serantau.

"TNB memimpin perbincangan dengan syarikat utiliti dan negara ASEAN untuk perkongsian sumber dan solusi fleksibel yang berskala. Langkah ini akan mempercepatkan kadar peralihan tenaga secara bertanggungjawab sambil mengimbangi elemen trilema tenaga," kata Anwar dalam ucap-tama di persidangan selama dua hari itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur bulan lalu.

Mengucapkan tahniah kepada TNB sebagai pengajur persidangan, beliau berkata, perhimpunan sedemikian penting dalam menyegerakan peralihan tenaga yang bertanggungjawab melalui kerjasama tempatan dan serantau dalam memperkukuh sambungan grid merentas sempadan, terutamanya demi keterjaminan tenaga di rantau ASEAN.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din dalam ucapannya di persidangan itu berkata, satu daripada keutamaan TNB dalam mencapai sasaran Sifar Bersih di rantau ini adalah dengan memperkukuh kesalinghubungan negara ASEAN.

Berkongsi maklum balas daripada rakan serantaunya merangkumi PLN Indonesia, EGAT Thailand, EDL Laos dan SP Group Singapura, Baharin berkata, mereka komited untuk menjayakannya, dengan kesalinghubungan ini membolehkan biaya lebih baik untuk TBB, memperkukuh keselamatan sistem dan membuka lebih USD6.3 trilion pelaburan menjelang 2050 seperti dianggarkan oleh Agensi Antarabangsa Tenaga Boleh Baharu (IRENA). Kami semua bersetuju adalah tepat masanya untuk menjadikan Grid Tenaga ASEAN satu realiti kerana ini adalah soal kelangsungan kami juga."

Mengambil iktibar daripada proses peralihan tenaga di rantau lain, beliau berkata, teknologi sedia ada tidak perlu diganti sepenuhnya. Sasaran nyah karbon elektrik secara pantas melalui peralihan semasa, mewujudkan beberapa bentuk cabaran dari segi keselamatan dan ekonomi yang begitu kompleks jika dihadapi secara berasingan. "Atas sebab inilah, tiada siapa mampu mencapai sasaran Sifar Bersih secara bersendirian, dan terdapat keperluan segera untuk bekerjasama bagi mengoptimumkan sumber kita sambil menyeimbangkan trilema ini."

Sebagai utiliti utama negara, TNB menyeimbangkan trilema tenaga sambil menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. "Dan saya sangat yakin perancangan kita mencapai tahap itu, kerana fokus kita tertumpu sepenuhnya untuk menyokong aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Secara lebih khusus, kami memastikan bahawa Grid kita cukup fleksibel untuk menampung landskap tenaga yang berubah, dengan rancangan pelaburan melebihi RM90 bilion dalam tempoh 6 tahun akan datang untuk menyokong NETR."


Persidangan Peralihan Tenaga 2023 telah menarik lebih 2,500 delegasi yang mewakili pelbagai segmen industri TBB dan teknologi mampan. Kawasan pamerannya menempatkan ruang seluas 7,500-meter persegi yang mempamerkan inovasi terkini, teknologi TBB dan peluang pembiayaan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Oktober 2023, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617

/ Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731

Emel kami: media@tnb.com.my



Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** yang menjadi tuan rumah bagi Persidangan Peralihan Tenaga 2023 buat julung kalinya dalam ucapan utama di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 29 Ogos 2023. Beliau menyatakan bahawa persidangan ini adalah penting dalam menyegerakan peralihan tenaga bertanggungjawab melalui kerjasama di peringkat tempatan dan serantau.



Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim (tengah) diberi taklimat tentang projek kesalinghubungan Grid Tenaga ASEAN (APG) semasa melawat pameran di Persidangan Peralihan Tenaga 2023 anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 29 Ogos 2023. Turut hadir adalah Menteri Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad (kanan), Pengerusi TNB Datuk Abdul Razak Abdul Majid (kanan kedua) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Dato' Indera Ir. Baharin Din (kiri).